

Gas Malaysia, Tokyo Gas mula operasi CHP di Pulau Pinang

Oleh CATHERINE IRENE MILTON
catherine.irene@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Usaha sama Gas Malaysia Berhad dan Tokyo Gas Engineering Solutions Corporation (TGES) telah memulakan operasi loji gabungan haba dan kuasa (CHP) untuk pelanggan ketiganya, Fatty Chemical (Malaysia) Sdn. Bhd. (FCM) di Prai, Pulau Pinang.

Ahli kumpulan MMC Corporation Berhad (MMC) itu berkata, syarikat usaha samanya, Gas Malaysia Energy Advance Sdn. Bhd. (GMEA) memeterai perjanjian bersama FCM pada Mac 2022, merangkumi penyediaan tenaga sehingga 6.7MW kuasa dan 35 tan wap sejam bagi tempoh 15 tahun.

Ujarnya, teknologi CHP berpotensi dapat mengurangkan hampir 18,000 tan karbon dioksida setiap tahun, sekali gus memberi sumbangan besar kepada FCM untuk mencapai matlamat kelestarian dalam industri.

“Teknologi yang dikenali



LOJI penyediaan tenaga gabungan haba dan kuasa (CHP) oleh usaha sama Gas Malaysia dan Tokyo Gas Engineering Solutions Corporation (TGES) di Prai, Pulau Pinang.

sebagai penjana bersama itu dirujuk sebagai sistem CHP yang menghasilkan kedua-dua elektrik dan haba daripada satu sumber bahan api.

“Ia menjana elektrik dan kemudian menangkap haba supaya tidak dibazirkan dapat di-

gunakan untuk kegunaan lain,” katanya dalam kenyataan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Gas Malaysia, Ahmad Hashimi Abdul Manap berkata, teknologi CHP dapat meningkatkan kecekapan tenaga di seluruh landskap pelbagai

jenis perindustrian.

“Memandangkan industri memberi penekanan terhadap penggunaan bertanggungjawab terhadap persekitaran amalan perniagaan, sistem CHP boleh dijadikan harapan ke arah melestarikan alam sekitar,” katanya.